



MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

Peti Surat 221.
90702 Sandakan, Sabah, Malaysia.
Jabatan Kesihatan Awam
089-211944 samb. 733

No. Daftar :

Tarikh :

BORANG PERMOHONAN/PEMBAHARUAN LESEN ANJING

(A) MAKLUMAT PEMOHON

1. Nama Pemohon :
2. No. Kad Pengenalan :
3. No. Telefon/Bimbit :
4. Lokasi Premis/Kediaman :
5. Bilangan anjing : (i) Betina (ii) Jantan
6. Status anjing : (i) Dimandulkan (ii) Tidak dimandulkan

Saya dengan ini mengaku bahawa keterangan seperti di atas adalah benar dan akan mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak M.P.S.

.....
(TANDATANGAN PEMOHON)

Tarikh :

(B) ULASAN JABATAN VETERINAR/KLINIK VETERINAR

(Diisi oleh Jabatan Veterinar/ Klinik Veterinar)

.....
.....
.....

.....
(TANDATANGAN PEGAWAI & CAP RASMI)

Tarikh :

NOTA : Sila sertakan dokumen sokongan berikut dan emel kepada heamps2022@gmail.com :

- (i) 1 salinan kad pengenalan pemohon
- (ii) 1 keping gambar anjing (saiz 3R/4R)
- (iii) Sijil kelahiran anjing daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sandakan (jika ada)
- (iv) Bukti adopsi daripada SPCA (jika ada)

*** Sila lihat lampiran – Syarat-syarat dan Peraturan Pemeliharaan Anjing di bawah Undang-Undang Kecil Majlis (Pendaftaran dan Kawalan Anjing) 1964**

MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PEMELIHARAAN ANJING DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL (PENDAFTARAN DAN KAWALAN ANJING) 1964

1. Anjing berusia enam (6) bulan ke atas mestilah dilesenkan. Kegagalan melesenkan anjing maka Majlis boleh mengenakan denda tidak melebihi seratus ringgit (RM100.00) kepada pemiliknya (By-laws 4 (1) dan 4 (2)).
2. Lesen anjing hendaklah diperbaharui pada awal bulan Januari setiap tahun mengikut kadar berikut (By-laws 4 (3)) :
 - 2.1 Anjing jantan @ RM10.00 setahun
 - 2.2 Anjing betina @ RM15.00 setahun
3. Pemohon hendaklah mengemukakan **Sijil Kesihatan** anjing daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Government Veterinary Officer*) atau klinik veterinar swasta yang bertauliah untuk proses permohonan kepada Majlis (By-laws 4 (5)).
4. Pemohon hendaklah mengisi butir peribadi pemohon berserta salinan kad pengenalan diri pemohon, maklumat lengkap anjing berserta gambar anjing dan lokasi penempatan anjing yang dilesenkan dalam borang permohonan (By-laws 4 (6)).
5. Tanda pendaftaran berbentuk lencana hendaklah dipasang setiap masa pada anjing berkenaan untuk menandakan anjing tersebut telahpun dilesenkan (By-laws 4 (7)).
6. Pemilik anjing hendaklah memulangkan tanda lesen kepada Majlis sekiranya anjing tersebut mati atau berpindah daerah (di luar kawasan MPS) (By-laws 6 (5)).
7. Pertukaran hak milik pemeliharaan anjing hendaklah dimaklumkan kepada Majlis dalam tempoh empat belas (14) hari untuk tujuan proses pemindahan hak milik (By-laws 8 (1)).
8. Anjing yang telah dilesenkan tetapi tidak dikalungkan tanda pendaftaran akan ditangkap sebagai anjing tidak berlesen dan Majlis boleh mengambil tindakan (By-Laws 1).
9. Pemilik anjing hendaklah menjaga dan mengawal anjing mereka dengan sempurna dan tidak membiarkan bebas di luar premis kediaman sehingga menimbulkan kacau ganggu awam. Pemilik yang gagal menjaga dan mengawal anjing sehingga menimbulkan gangguan awam, maka denda tidak melebihi dua puluh ringgit (RM20.00) setiap hari boleh dikenakan oleh Majlis (By-laws 18 (2) dan 20 (2)).
10. Anjing yang disahkan boleh mendatangkan bahaya kepada orang awam yang tidak dijaga dengan sempurna oleh pemiliknya akan dimusnahkan oleh Majlis (By-laws 20 (1)).
11. Tidak dibenarkan menyimpan atau membawa masuk anjing di dalam kawasan premis perniagaan (By-laws 17 (2) dan 17 (3)) kecuali klinik veterinar, kedai spa haiwan dan hotel haiwan.